

 <p><b>MDBG</b></p>	<b>BAHAGIAN PELESENAN          JABATAN KESIHATAN AWAM DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN          MAJLIS DAERAH BATU GAJAH          JALAN HAJI ABDUL WAHAB,          31000 BATU GAJAH</b>						
	<b>SYARAT-SYARAT LESEN PREMIS MENJUAL MINUMAN KERAS</b>						
	<b>BORANG/ MDBG/ JKAPP – 38</b>	<table border="1"> <tr> <td>No. Telefon</td> <td>05-3632020/ 3632030</td> </tr> <tr> <td>No. Fax</td> <td>05-3665930</td> </tr> <tr> <td>E-mail</td> <td>pelesenan@mdbg.gov.my</td> </tr> </table>	No. Telefon	05-3632020/ 3632030	No. Fax	05-3665930	E-mail
No. Telefon	05-3632020/ 3632030						
No. Fax	05-3665930						
E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my						

Definisi : Lesen Minuman Keras adalah untuk peniaga yang menjual minuman keras samada di kedai runcit, Supermarket atau hotel.

#### **A. SYARAT – SYARAT**

1. Mempamerkan lesen yang diterima di tempat yang selamat dan mudah dilihat di premis yang didaftarkan seperti di dalam lesen tersebut.
2. Mempamerkan di bahagian pintu masuk ke premis berkenaan nama perniagaan dan jenis perniagaan yang dijalankan.
3. Peniaga perlu menyelenggara buku-buku akaun dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris berkenaan butir-butir pembelian dan penjualan minuman keras.
4. Tidak membenarkan sebarang aktiviti-aktiviti berunsur jenayah berlaku di premis yang boleh menyebabkan kacau ganggu awam.
5. Tidak menjual minuman keras kepada individu di bawah **21 tahun** dengan mempamerkan papan tanda larangan serta mematuhiinya. **“MENJUAL MINUMAN BERALKOHOL/ARAK KEPADA ORANG BAWAH UMUR DUA PULUH SATU (21) TAHUN ADALAH DILARANG”** hendaklah ditulis pada papan tanda. Huruf pesanan hendaklah berwarna hitam dan jenis huruf ialah Arial.
6. Dilarang menjual minuman keras dalam bentuk 'Sachet'
7. Tidak menjual minuman keras kepada **individu yang beragama Islam** dengan mempamerkan papan tanda larangan serta mematuhiinya.
8. Tidak mencampurkan minuman biasa dengan minuman keras di rak yang sama atau di dalam ruang peti sejuk yang sama serta memaparkan **“ ARAK HARAM BAGI ORANG ISLAM”**.

9. Mempamerkan waktu peniaga yang diluluskan di depan pintu masuk untuk maklumat orang ramai. Kenyataan hendaklah dibuat dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.
10. Setiap pemasangan iklan/banner berkaitan minuman keras hendaklah mendapat permit daripada pihak berkuasa tempatan terlebih dahulu .
11. Tidak dibenarkan sebarang hidangan minuman keras atau apa-apa minuman yang memabukkan di dalam premis bagi pemegang lesen peniaga runcit dan peniaga borong.
12. Pelesen/pegusaha hendaklah memastikan tiada aktiviti perjudian/maksiat yang melibatkan pengunjung atau pekerja di premis. Menjadi tanggungjawab pelesen/pengusaha untuk menegahkan aktiviti-aktiviti sebegini.
13. Peniaga hendaklah membenarkan Pegawai Kastam atau mana-mana pihak berkuasa atau ahli-ahli lembaga pelesen masuk ke premis untuk membuat pemeriksaan pada bila-bila masa.
14. Pihak Majlis boleh menggantung, membatalkan atau tidak mengeluarkan **lesen perniagaan** kepada peniaga yang melanggar syarat-syarat yang ditetapkan.
15. Pihak Majlis atau Lembaga Pelesen Eksais berhak mengenakan apa-apa syarat tambahan yang dirasakan perlu terhadap pemegang lesen.
16. Pemegang lesen tidak berhak mendapat apa-apa pampasan atau pulangan balik bayaran lesen kerana penggantungan atau pembatalan lesennya.
17. Jadual waktu operasi dan fi lesen perniagaan;

JENIS LESEN	KELAS	WAKTU JUALAN	HARGA LESEN	CATATAN
LESEN RUMAH AWAM	Keluasan <b>KURANG</b> daripada 93 MP	10 Pagi – 12.00 Malam	RM240.00	Menjual (liquir & air secara runcit untuk dihidangkan
	Keluasan <b>LEBIH</b> daripada 93 MP	10 Pagi – 12.00 Malam	RM480.00	Jenis premis ialah hotel, rumah kopi, restoran, rumah rehat

LESEN KEDAI RUNCIT	Keluasan <b>KURANG</b> daripada 93 MP	7 Pagi – 9.00 Malam	RM120.00	Penjualan liquir & bior secara runcit tetapi tidak termasuk todi Penyerahan/ jualan liquior dalam kuantiti kurang 27 liter sehari
	Keluasan <b>LEBIH</b> daripada 93 MP	7 Pagi – 9.00 Malam	RM180.00	

18. Individu atau syarikat yang memohon hendaklah mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan Atau Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

19. Lesen premis yang membenarkan penjualan minuman keras.

20. Jarak 200 meter dari kediaman yang majoriti penduduknya adalah beragama Islam, Masjid dan Sekolah.

21. Perniagaan dijalankan di bangunan yang dibenarkan;

- Bangunan Hotel
- Kompleks Perdagangan
- Rumah Kedai

### **PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Kesihatan Awam Dan Perkhidmatan  
Perbandaran  
Majlis Daerah Batu Gajah